



## PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR

(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

### PENGUMUMAN RASMI

#### KRISIS COVID-19:

### **PENANGGUHAN KEHADIRAN PELAJAR BAHARU PROGRAM DIPLOMA SESI AKADEMIK 2020/2021 KE KAMPUS BAGI TUJUAN PENDAFTARAN RESIDEN PELAJAR**

Assalamualaikum wrh.wbt. dan Selamat Sejahtera,

Saudara/saudari Pelajar yang dihormati,

Pihak Universiti merakamkan ucapan tahniah kerana telah menjadi sebahagian daripada warga UMP dan mengucapkan terima kasih kerana memilih UMP sebagai destinasi pengajian anda.

2.0 Dimaklumkan bahawa tarikh kehadiran pelajar baharu Program Diploma Sesi Akademik 2020/2021 ke kampus bagi tujuan pendaftaran Residen Pelajar yang telah dijadualkan pada 1 Ogos 2020 **ditangguhkan ke 8 Ogos 2020**. Namun demikian, tarikh tersebut masih tertakluk kepada situasi terkini penularan COVID-19 dan tarikh baharu akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

3.0 Keputusan ini dibuat bagi memastikan kebajikan serta keselamatan pelajar adalah pada tahap yang optimum memandangkan beberapa negeri telah mula mengalami peningkatan kes baharu COVID-19. Namun demikian, bagi pelajar yang berkeperluan khas termasuk yang telah membuat persediaan awal kehadiran ke

kampus, pihak UMP tiada halangan menerima kehadiran pelajar tersebut tertakluk kepada pematuhan SOP yang telah digariskan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

4.0 Pelajar baharu program Diploma yang dijangka seramai 1020 orang dari seluruh negara akan melalui sesi Hari Suai Kenal (HSK) secara atas talian pada **1 - 2 Ogos 2020** manakala sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara atas talian sepenuhnya akan bermula mulai **3 Ogos 2020** sebagaimana yang telah dijadualkan.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni atau Pusat Pengurusan Akademik melalui emel [admin\\_jhepa@ump.edu.my](mailto:admin_jhepa@ump.edu.my) / [ppa@ump.edu.my](mailto:ppa@ump.edu.my) atau dengan menghubungi nombor **09-5493333 / 09-4243333 / 09-5492550 / 09-4245252** (pada waktu bekerja Isnin – Jumaat, 9.00 pagi hingga 5.00 petang)

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

*"Memasyarakatkan Teknologi"*

Saya yang menjalankan amanah.



**(PROFESOR. DATO. Ts. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN)**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh : 28 Julai 2020

s.k

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi

Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan Semua Staf Akademik dan

Pentadbiran

**#StaySafe**

**#StayStrong**

**#StayAtHome**

**#AmalkanPenjarakanSosial**

**#KitaJagaKita**